

**SOALAN NO. :41**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**SOALAN: Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :**

- (a) luas dan peratus kawasan hutan mengikut negeri-negeri di Malaysia ; dan
- (b) luas dan peratus kawasan pertanian di Malaysia yang berasal daripada penerokaan hutan baru sejak 1997.

106

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak telah membuat semakan dan mendapati kawasan berhutan di Malaysia bagi tahun 2015 adalah seluas 18,254,860 hektar ataupun 55.3 peratus daripada keluasan tanah di Malaysia. Daripada keluasan tersebut, sejumlah 14,467,994 hektar merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Maklumat kawasan berhutan ini mengikut negeri di Malaysia adalah sepertimana Jadual berikut:

**Jadual : Maklumat Keluasan dan Peratus Kawasan Berhutan Mengikut Negeri di Malaysia Bagi Tahun 2015**

Negeri	Keluasan Negeri(ha)	Kawasan Berhutan(ha)	Peratus (%)
Johor	1,901,600	449,221	23.6
Kedah	942,500	342,431	36.3
Kelantan	1,510,500	812,196	53.8
Melaka	165,200	5,352	3.2
Negeri Sembilan	665,709	158,147	23.8
Pahang	3,596,500	2,068,082	57.5
Perak	2,102,200	1,021,795	48.6
Perlis	79,500	11,532	14.5
Pulau Pinang	103,100	7,761	7.5
Selangor	793,020	250,860	31.6
Terengganu	1,295,600	655,444	50.6
WPKL	29,200	2,049	7.0
Sabah	7,431,050	4,435,990	59.7
Sarawak	12,397,311	8,034,000	64.8
<b>Jumlah</b>	<b>33,012,990</b>	<b>18,254,860</b>	<b>55.3</b>

(b) Berdasarkan maklumat melalui Peta Guna Tanah Tahun 2013, luas dan peratus kawasan hutan mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Luas (ha)</b>	<b>%</b>
1	Perlis	13,336.72	0.21
2	Kedah	359,175.33	5.71
3	Wilayah Persekutuan	856.1	0.01
4	Pulau Pinang	14,050.45	0.22
5	Perak	1,101,131	17.50
6	Selangor	271,501.55	4.32
7	Negeri Sembilan	200,727.58	3.19
8	Melaka	10,802.78	0.17
9	Johor	526,582	8.37
10	Pahang	2,078,833.14	33.05
11	Kelantan	925,693.91	14.72
12	Terengganu	787,787.83	12.52
<b>Jumlah</b>		<b>6,290,478.39</b>	<b>100.00</b>

Kawasan pertanian agromakanan di Malaysia yang berasal daripada penerokaan hutan baru sejak 1997 dianggarkan seluas 285,590.49 hektar iaitu 4.89% daripada jumlah kawasan hutan seluas 6,290,478.39 hektar.

Sekian, terima kasih.